

**ISI KANDUNGAN****Arahan kepada Pentaksir****Rubrik Penskoran Ujian Bertutur Individu (Analitik)****Soalan 1** : Kerjaya : Kerjaya Kolar Baharu**Soalan 2** : Sukan dan Rekreasi : Mencandat Sotong**Soalan 3** : Pertanian, Pernakan dan Perikanan : Teknologi Pertanian Padi Tepat**Soalan 4** : Kebudayaan, Kesenian dan Estetika : Seni Jalanan : Mural dan Grafiti**Soalan 5** : Kesihatan dan Kebersihan : Pembuka Selera


| Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

## BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 1

[40 markah]

## TEMA : KERJAYA

## KERJAYA KOLAR BAHARU



Pekerja "kolar baharu" ialah individu yang memajukan diri dalam kemahiran teknikal dan insaniah. Golongan ini bekerja dalam bidang berkaitan dengan teknologi dan kemahiran. Mereka mendapat pendidikan dan latihan melalui kolej vokasional, kolej komuniti, kursus jangka pendek, program sijil, pendidikan teknologi sekolah tinggi, latihan industri, dan perantisan semasa kerja. Salah satu golongan "kolar baharu" ialah pelajar lepasan teknik dan vokasional. Bidang ini memberikan peluang kepada murid untuk meningkatkan potensi diri dalam kemahiran-kemahiran yang tertentu seperti elektrik, mekanikal, dan teknologi komputer. Kemahiran yang dipelajari mampu melahirkan murid yang berdaya saing dan berkemahiran tinggi.

Dipetik dan diubah suai daripada  
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5  
Kementerian Pendidikan Malaysia

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

**CADANGAN JAWAPAN TAKSIRAN INDIVIDU 1**

1. Apakah kerjaya “ kolar baharu”?

**Kerjaya “kolar baharu” ialah individu yang memajukan diri dalam kemahiran teknikal dan insaniah.**

2. Apakah peluang yang disediakan kepada murid lepasan teknik dan vokasional?

**Bidang ini memberikan peluang kepada murid untuk meningkatkan potensi diri dalam kemahiran-kemahiran yang tertentu seperti elektrik, mekanikal, dan teknologi komputer.**

3. Huraikan satu kerjaya yang berkaitan dengan “ kolar baharu”.

i) **Tukang Paip**

- Membaiki paip yang rosak
- Memasang paip
- Membuat penyelenggaraan berkaitan sistem perpaipan

ii) **Tukang gunting**

- Menggunting rambut
- Menyediakan khidmat nasihat dalam penggayaan rambut
- Menyediakan khidmat cuci rambut kepada pelanggan

(Jawapan lain yang relevan boleh diterima)

4. Pada pendapat anda, mengapa bidang teknik dan vokasional perlu didedahkan kepada murid?

i) **Bidang yang memberikan fokus kepada bidang kemahiran**

ii) **Potensi murid dapat ditingkatkan berdasarkan kemahiran yang diminati**

iii) **Murid yang tidak mempunyai potensi dalam akademik mampu meningkatkan potensi diri dalam kemahiran tertentu.**

(Jawapan lain yang relevan boleh diterima)

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**


[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

## BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 2

[40 markah]

TEMA : SUKAN DAN REKREASI

## MENCANDAT SOTONG



Pada pertengahan tahun iaitu bermulanya April sehingga kemuncaknya Ogos, menandakan tiba musim mencandat sotong. Kebiasaannya di sebelah pantai timur seperti Pulau Kapas, Marang, Pulau Kambing, Kuala Terengganu, Pulau Chepu, Setiu dan beberapa lubuk mencandat menjadi perhatian peminat aktiviti itu di Terengganu. Antara keseronokan di sebalik aktiviti ini menurut kebanyakan pencandat tegar adalah apabila umpan tiruan berjaya 'dipagut' sotong. Apatah lagi tidak kisah jika perlu bermalam di tengah-tengah laut mahupun meneharung 'mabuk' laut apabila sesetengah pencandat 'alah' dengan ayunan ombak sepanjang bot berlabuh di lubuk sotong. Aktiviti mencandat sotong memberikan peluang dan pengalaman yang bermakna kepada peminat pencandat sotong. Hasil aktiviti mencandat sotong pasti mampu memberikan senyuman kepada pencandat sotong yang tegar.

Dipetik dan diubah suai daripada  
Harian Metro Malaysia Online 2021

## CADANGAN JAWAPAN TAKSIRAN INDIVIDU 2

1. Bilakah aktiviti mencandat sotong boleh dilakukan?

**Bermulanya April sehingga kemuncaknya Ogos**

2. Apakah keseronokan aktiviti mencandat sotong?

- i) Keseronokan di sebalik aktiviti ini menurut kebanyakan pencandat tegar adalah apabila umpan tiruan berjaya 'dipagut' sotong.
- ii) Apatah lagi tidak kisah jika perlu bermalam di tengah laut mahupun mengharung 'mabuk' laut apabila sesetengah pencandat 'alah' dengan ayunan ombak sepanjang bot berlabuh di lubuk sotong.

3. Pada pandangan anda, bagaimanakah aktiviti mencandat sotong mampu membentuk nilai murni dalam diri seseorang?

- i) Mewujudkan semangat setiakawan
- ii) Membentuk keberanian
- iii) Mendidik ketahanan mental

(Jawapan lain yang relevan boleh diterima)

4. Aktiviti mencandat sotong boleh meningkatkan sektor pelancongan negara.

Ulaskan.

- i) Menyumbang peningkatan ekonomi penduduk setempat
- ii) Mempromosikan kawasan pelancongan
- iii) Melahirkan usahawan tempatan

(Jawapan lain yang relevan boleh diterima)


**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 3**

[40 markah]

**TEMA : PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN**

**TEKNOLOGI PERTANIAN PADI TEPAT**



Teknologi Pertanian Padi Tepat ialah teknologi berdasarkan maklumat dalam sistem pertanian. Teknologi Pertanian Padi Tepat diyakini mampu merancakkan pengeluaran hasil padi negara ini. Pendekatan itu dicetuskan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) yang berharap boleh menarik minat generasi muda menceburi bidang pertanian. Pegawai Penyelidik Kanan Pusat Penyelidikan dan Kejuruteraan MARDI, Dr. Badril Abu Bakar, berkata konsep pertanian tepat dalam pengurusan tanaman yang diusahakan, dibuat berpaksikan data membabitkan rantai pengeluaran tanaman. Beliau berkata, bermula daripada proses penyediaan tanah sebagai tapak sehingga penuaian hasil, sistem penderiaan digunakan bagi mengumpul maklumat seperti status nutrien dalam pokok dan tanah, cuaca persekitaran, dan keadaan air.

Sumber: Internet

[Lihat halaman sebelah

**CADANGAN JAWAPAN TAKSIRAN INDIVIDU 3**

1. Apakah Teknologi Pertanian Tepat?

Teknologi Pertanian Tepat ialah teknologi berdasarkan maklumat dalam sistem pertanian

2. Bagaimanakah proses Teknologi Pertanian Tepat dilakukan?

Bermula daripada proses penyediaan tanah sebagai tapak sehingga penuaian hasil, sistem penderiaan digunakan bagi mengumpul maklumat seperti status nutrien dalam pokok dan tanah, cuaca persekitaran dan keadaan air.

3. Mengapakah golongan muda kurang berminat dalam aktiviti pertanian?

- i) Kurang pengetahuan berkaitan ilmu pertanian
  - ii) Tidak berminat dengan aktiviti yang melibatkan cuaca panas
  - iii) Tidak mempunyai motivasi terhadap bidang pertanian
- (Jawapan lain yang relevan boleh diterima)

4. ‘Pertanian Satu Perniagaan’.


Ulaskan

\*Calon perlu menjelaskan aktiviti pertanian yang boleh memberikan pendapatan kepada petani.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 4**

[40 markah]

**TEMA : KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA****SENI JALANAN – MURAL DAN GRAFITI**

Mural ialah suatu lukisan besar pada ruang bangunan atau ruang dinding. Lukisan berkisar tentang sesuatu benda, peristiwa, cerita, atau pengalaman yang mengusik perasaan yang dilahirkan dengan cara halus, cekap, dan mendalam. Oleh sebab itu, seni mural bukan sekadar karya seni untuk menceriakan sesuatu kawasan, malahan mengandungi maksud atau nasihat yang tersirat. Graffiti merupakan sesuatu lakaran yang dibuat pada dinding. Lukisan Mural dan grafiti di jalanan merupakan satu seni yang sedang berkembang maju di Malaysia. Gerakan pihak pengurusan perbandaran memperindah persekitaran bandar, terutamanya bangunan melalui karya seni telah menampakkan kejayaan. Dalam sekelip mata sesuatu kawasan akan menjadi lebih indah dan cantik apabila telah melalui sentuhan seni mural dan grafiti.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada  
*Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4*  
Kementerian Pendidikan Malaysia

**CADANGAN JAWAPAN TAKSIRAN INDIVIDU 4**

1. Apakah mural dan grafiti?

Mural ialah suatu lukisan besar pada ruang bangunan atau ruang dinding manakala graffiti ialah lakaran yang dibuat pada dinding.

2. Apakah fungsi seni mural?

Seni mural bukan sekadar karya seni untuk menceriakan sesuatu kawasan, malahan mengandungi maksud atau nasihat yang tersirat.

3. Nyatakan fungsi mural dan grafiti terhadap sektor pelancongan negara.

i) Memperkenalkan budaya sesuatu tempat

ii) Mencantikkan sesuatu kawasan

iii) Memberikan pendedahan tentang tokoh-tokoh dalam sesuatu tempat

(Jawapan lain yang relevan boleh diterima)

4. Kerjaya sebagai seorang pelukis mendatangkan banyak manfaat.

Ulaskan

i) Boleh mengembangkan bakat


ii) Pendapatan yang lumayan

iii) Hasil lukisan boleh dipamerkan di galeri

(Jawapan lain yang relevan boleh diterima)

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

**BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 5****[40 markah]****TEMA : KESIHATAN DAN KEBERSIHAN****PEMBUKA SELERA**

Sos merupakan sediaan makanan dalam bentuk cecair atau separa cecair. Terdapat juga sos yang dicampur dengan rempah atau tanpa rempah yang bertujuan untuk menambahkan keenakan makanan. Di Malaysia, sos yang mendapat permintaan paling tinggi ialah sos cili. Sos cili yang disediakan mestilah daripada cili yang baik serta masak seperti yang termaktub dalam Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Kisaran cili akan dicampurkan dengan garam, gula, dan cuka. Sos cili lazimnya mengandungi bahan pengawet, bahan pewarna, bahan perisa serta kondisioner makanan yang dibenarkan. Kini, sos cili merupakan produk utama dalam industri sos di negara ini. Pelbagai jenis sos cili telah dikeluarkan seperti sos cili Thai, sos cili Hijau, dan sos cili Padi.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada  
*Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5*  
Kementerian Pendidikan Malaysia

SULIT

**CADANGAN JAWAPAN TAKSIRAN INDIVIDU 5**

1. Apakah sos yang mendapat permintaan tinggi di Malaysia?

Sos yang mendapat permintaan tinggi di Malaysia ialah sos cili.

2. Apakah bahan yang terkandung dalam sos cili?

Sos cili lazimnya mengandungi bahan pengawet, bahan pewarna, bahan perisa serta kondisioner makanan yang dibenarkan

3. Bincangkan satu cara penyediaan makanan berdasarkan sos cili yang anda tahu.

- i) Mi goreng
- ii) Ayam masak sos
- iii) Burger

(Jawapan lain yang relevan boleh diterima)

4. Makanan yang seimbang menjamin kesihatan yang baik.

Ulaskan

\*Calon perlu menjelaskan pengambilan pemakanan yang seimbang seperti mengikut piramid makanan yang boleh membantu kesihatan seseorang dalam kehidupan sehari-hari.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

[Lihat halaman sebelah  
SULIT]

## **BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN**

[Lihat halaman sebelah

**ISI KANDUNGAN**

**Arahan kepada Pentaksir**

**Rubrik Penskoran Ujian Bertutur Kumpulan (Holistik)**

**Soalan 1** : Pendidikan

**Soalan 2** : Bahasa dan Kesusasteraan

**Soalan 3** : Keselamatan

**Soalan 4** : Pelancongan

**Soalan 5** : Pentadbiran dan Politik

**Arahan kepada Pentaksir :**

1. Ujian bertutur kumpulan ini akan dilaksanakan dalam 4 – 5 calon.
2. Markah bagi ujian bertutur kumpulan ialah **30 markah**.
3. Masa yang diperuntukkan untuk ujian bertutur individu ialah **dua belas hingga lima belas minit**.
4. Calon dikehendaki berada di dalam bilik kuarantin selama **lima hingga lapan minit**.
5. Calon tidak dibenarkan membawa apa-apa bahan semasa di dalam bilik kuarantin.
6. Calon akan melaksanakan perbincangan kumpulan di hadapan pentaksir di dalam bilik ujian.
7. Pentaksir akan menilai perbincangan calon tanpa mengemukakan soalan.
8. Pentaksir hanya akan menjadi penggalak bagi calon yang pada pandangannya kurang memberikan idea atau pendapat.
9. Calon diminta bersurai sebaik sahaja ujian bertutur kumpulan selesai.

**BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN 1**

[30 markah]

**TEMA : PENDIDIKAN**

Membaca pelbagai bahan boleh meningkatkan ilmu pengetahuan seseorang.

Bincangkan.

**CADANGAN JAWAPAN TAKSIRAN KUMPULAN 1****Kebaikan**

- i) Meningkatkan ilmu pengetahuan berkaitan akademik
- ii) Meningkatkan ilmu pengetahuan berkaitan sukan
- iii) Meningkatkan ilmu pengetahuan berkaitan ekonomi

(Jawapan lain yang relevan boleh diterima)

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN 2****[30 markah]****TEMA : BAHASA DAN KESUSASTERAAN**

Aspek sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu mampu memberikan nilai tambah kepada seseorang.

Ulaskan pernyataan tersebut.

**CADANGAN JAWAPAN TAKSIRAN KUMPULAN 2**

- i) Meningkatkan kemahiran berbahasa murid
- ii) Mendedahkan nilai-nilai murid kepada murid
- iii) Mewujudkan falsafah pemikiran yang tinggi kepada murid

(Jawapan lain yang relevan boleh diterima)

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

**BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN 3**

[30 markah]

**TEMA : KESELAMATAN**

Penggunaan media sosial memberikan pelbagai kebaikan kepada murid. Namun, terdapat juga keburukan penggunaan media sosial.

Bincangkan.

**CADANGAN JAWAPAN TAKSIRAN KUMPULAN 3****Positif**

- i) Menambah kenalan
- ii) Meningkatkan kemahiran ICT
- iii) Menjana pendapatan

**Negatif**

- i) Risiko ditipu
- ii) Menjadi lalai
- iii) Kurang bersosial

(Jawapan lain yang relevan boleh diterima)

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN 4**

[30 markah]

**TEMA : PELANCONGAN**

Selain menikmati keindahan alam semula jadi, melancong juga membawa pelbagai kebaikan.

Ulaskan pernyataan tersebut.

**CADANGAN JAWAPAN TAKSIRAN KUMPULAN 4**

- i) Merehatkan minda
- ii) Bertukar budaya
- iii) Mencipta kenangan

(Jawapan lain yang relevan boleh diterima)

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

**BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN 5****[30 markah]****TEMA : PENTADBIRAN DAN POLITIK**

Seseorang yang dilantik sebagai pemimpin haruslah menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dengan sebaik mungkin. Pemimpin yang tidak memimpin dengan baik akan memberikan kesan negatif kepada pelbagai pihak.

Ulaskan pernyataan tersebut.

**CADANGAN JAWAPAN TAKSIRAN KUMPULAN 5****Positif**

- i) Adil
- ii) Berfikiran jauh
- iii) Berani

**Negatif**

- i) Melahirkan individu yang tidak bertanggungjawab
- ii) Rakyat akan terabai
- iii) Negara akan mundur

(Jawapan lain yang relevan boleh diterima)

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT****SULIT**